

Program Pembangunan Benih Padi Tingkat produktiviti dan kualiti padi Sarawak



PRODUKTIVITI dan kualiti padi bergantung kepada kualiti benihnya. Disebabkan itulah, Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) melancarkan projek membangunkan kawasan khas sebagai pusat pengeluaran benih padi berkualiti di Stumbin, Sri Aman.

Menurut Menteri Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (MFICORD), Dato Sri Stephen Rundi Utom, kawasan yang dipilih terletak di atas kawasan seluas 45 hektar dan dilengkapi dengan infrastruktur ladang tertiar.

Bagi memenuhi permintaan petani terhadap benih padi varieti moden, JPS sekarang ini menanam asas benih berkualiti iaitu MR315 di Stumbin.

Tanaman ini dijangka dapat dituai pada Januari 2024 dan akan diagihkan kepada lebih 520 petani yang bersedia untuk menanam padi varieti moden untuk musim menanam pada September 2024.

Untuk musim penanaman sekarang, JPS telah mengagihkan 22.5 tan metrik benih padi yang disahkan, MR297 kepada lebih 350 penanam padi di Tanjung Bijat, Sri Aman, dengan melibatkan kawasan penanaman seluas 150 hektar.

MR297 merupakan varieti padi moden yang boleh menghasilkan antara empat hingga enam tan metrik padi bagi setiap hektar berbanding dengan varieti padi tradisional, dengan purata tuaian sekitar 2.7 metrik tan.

Memandangkan hasil varieti padi moden lebih tinggi seperti MR297 dan MR315, Kementerian akan terus menggalakkan para petani untuk menanam varieti-varieti ini dan mendidik mereka tentang amalan pertanian baik serta amalan pengurusan sawah bagi meningkatkan pengeluaran, produktiviti dan pendapatan.

Sebagai tambahan, Kementerian juga mengalu-alukan pengenalan benih padi hibrid berhasil tinggi ke Sarawak.

Bagaimanapun, import benih padi hibrid ke negeri ini perlu mematuhi peraturan import produk bijirin dan produk bijirin ke Sarawak bagi menjamin benih-benih import ini tidak membawa serangga dan penyakit.

MFICORD juga mengalu-alukan pengenalan benih padi hibrid dengan hasil tinggi ke Sarawak.

Pengukuhan Rangkaian Bekalan Beras Dan Padi

Kementerian juga sedar tentang pentingnya gunapakai program mekanisasi dan automasi sebagai langkah untuk meningkatkan pengeluaran padi di negeri ini. Sejak pengenalan program-program ini yang disediakan oleh JPS, jumlah penanam padi yang menerima manfaat daripada program ini telah meningkat dengan ketara.

Dalam tahun 2023, JPS telah membelanjakan RM103,000 bagi membantu 300 penanam padi di Kuching, Sri Aman dan Serian, melibatkan 161 hektar kawasan penanaman padi.

Sebagai tambahan, tiga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) menyediakan kemudahan traktor dan lain-lain mesin kepada para penanam padi dengan nilai bantuan berjumlah RM130,000 pada tahun lepas.

Kementerian juga akan terus membantu para penanam padu dengan kemudahan selepas menuai yang mencukupi bagi mengurangkan kerugian dan mengekalkan kualiti padi. Baru-baru ini JPS telah melengkap Skim Perparitan Tanjung Purun dengan kemudahan mengering padi dengan kapasiti maksimum enam metrik tan sehari.

Semua kemudahan ini memberi manfaat kepada lebih 100 penanam padi di skim ini. Sebanyak sembilan unit mesin pelerai padi telah diperuntukkan kepada para penanam padi di Kuching, Sri Aman, Serian dan Limbang, melibatkan seramai 270 penanam padi.

Program mekanisasi dan automasi ini akan diperluaskan kepada semua kawasan pengeluaran padi utama di Sarawak pada masa hadapan bagi meningkatkan keberkesanan operasi dan produktiviti.

Bagi meningkatkan pengurusan sawah pula, Kementerian giat berusaha untuk mendapatkan penglibatan syarikat-syarikat swasta yang mempunyai kepakaran, modal dan teknologi, sebagai syarikat teras dalam pengurusan sawah padi.

Dalam tahun 2022, Program Sawah Padi Pintar Berskala Besar (SMART SBB) yang pertama di bawah Kementerian Pertanian dan Jaminan Makanan (KPKM) telah

VARIETI padi moden boleh mengeluarkan hasil berganda daripada varieti biasa.

dilancarkan di Kawasan Penanaman Padi Batang Lupar.

Program SMART SBB ini merupakan sistem pengurusan sawah berpusat yang membenarkan syarikat-syarikat swasta untuk terlibat secara terus dengan penanam padi dan pengusaha beras, termasuk pemilik tanah dalam rangkaian bekalan padi keseluruhan. Sehingga kini, lebih 200 penanam padi terlibat di dalam program ini di Kawasan Penanaman Padi Batang Lupar.

Padi Warisan Tradisi Sarawak

Selain mempromosi varieti padi moden, Kementerian juga memfokus kepada peningkatan kualiti padi warisan tradisi Sarawak. Terdapat beberapa varieti padi tempatan yang unik dan boleh mencapai harga tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Memandangkan harga varieti-varieti padi ini tidak tertali kepada Akta Padi Dan Beras 1994, ia boleh dijual dengan harga berasaskan permintaan, seterusnya menyumbang kepada pertambahan pendapatan para petani.

Justeru Kementerian akan terus menyokong pertumbuhan varieti padi tra-

disional premium Sarawak dengan usaha meningkatkan kualiti benihnya secara berterusan. Baru-baru ini JPS telah melaksanakan proses pemilihan beberapa benih padi termasuk Benih Padi Bario Sederhana dan Bario Halus bagi mendapatkan benih yang terbaik dan berkualiti.

JPS juga bekerjasama dengan lain-lain institusi awam dan swasta bagi mengukuhkan lagi inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk meningkatkan kualiti benih-benih padi warisan Sarawak.

Malah Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu sudah melaksanakan aktiviti penyelidikan pemilihan benih padi Biris di bawah Projek Transformasi Padi di Gedong. Selain daripada R&D, JPS juga secara aktif mempromosikan amalan pertanian baik dan menggalakkan para penanam padi untuk memohon program pensijilan di bawah myGAP dan myOrganic.

Pensijilan ini memberi pengiktirafan kepada sawah-sawah yang menggunakan amalan pertanian baik yang boleh meningkatkan pasaran beras warisan tradisi Sarawak. Sehingga kini, seramai 92 penanam padi telah diberi pensijilan di bawah Program Pensijilan MyGAP.